

Frequently Asked Questions for Auto Balance Conversion Islamic (ABC-i)

Q1 What is Auto Balance Conversion Islamic?

A1 Auto Balance Conversion Islamic (ABC-i) is a credit card-i program that converts credit card-i principal balances into instalment payment plan when your credit card-i statement balances meet the criteria. If your balances (retail & cash transactions balance) meets a minimum amount it will be converted into a 36 months instalment plan at 13% per annum (payable facility charges).

Alternatively, you may choose to opt out for this program at any time. Please refer to Q8 if you wish to do so.

Q2 What are the benefits of Auto Balance Conversion Islamic?

A2 Benefits of Auto Balance Conversion Islamic are:

- Low payable facility charges* (Effective Rate 13% p.a.) compared to existing payable facility charges* (15% to 18% p.a.) for your credit card-i outstanding principal balances.
- Zero Fee, there will be no processing fee and cancellation fee if full payment is made prior to maturity.
- Hassle-Free, your unpaid credit card-i principal balances will be automatically converted to 36 months instalment plan at a lower rate at every 12 months.
- Flexibility, allowing you the option to opt out from future conversion.

Q3 How do I qualify for Auto Balance Conversion Islamic?

A3 You are eligible for this program if you **meet all the criteria** listed below:

- A Malaysian nationality;
- Annual income equal or less than RM60,000 (as per your records with CIMB);
- Did not make full payment for credit card-i outstanding balance for the past 12 months;
- Over the past 12 months your average credit card-i(s) payment is not more than 10% of your total outstanding balances.

Q4 How do I enroll for the Auto Balance Conversion Islamic?

A4 You will be automatically enrolled into the program upon meeting the eligibility criteria every 12 months stated on Q3.

Q5 How does Auto Balance Conversion Islamic work and when does conversion happen?

- A5
- Your Auto Balance Conversion Islamic will start upon successful enrollment which will be communicated to you via SMS notification to your registered mobile number from the Bank.
 - The outstanding principal balance on CIMB Islamic credit cards will be reviewed on 25th day from your statement date to verify if it meets the minimum criteria for conversion.
 - Auto Balance Conversion Islamic will occur when your CIMB Islamic credit card outstanding principal balance meet the minimum balance requirement of RM1,000.
 - Your outstanding principal balance will be converted into 36 months installment plan at 13% p.a. payable facility charges rate (7.1% p.a. flat rate)
 - Your monthly payment will be reflected on your credit card-i statement.

For ease of understanding, please refer to the image below on the conversion flow:

Activity	Date
Enrolment Date	27-Nov
SMS to you on enrolment	28-Nov
Statement Date	4-Dec
Payment Due Date	24-Dec
Conversion Date	29-Dec
SMS to you on conversion	30-Dec

Q6 To meet the Auto Balance Conversion Islamic minimum balance, is it limited to certain type of transactions?

A6 For minimum balance for conversion, applicable to all retail transactions.

Q7 What if I don't meet the eligibility criteria?

A7 As part of assisting our customers to meet their financial commitment, the Bank will conduct a monthly review on customers of eligibility for Auto Balance Conversion Islamic unless customer has selected not to participate in this program.

Q8 I wish to opt out from Auto Balance Conversion Islamic program, what will happen to my current balance conversion plan (if any)?

A8 You can choose to opt out from this program by contacting or emailing the Bank as per below. An SMS notification will be sent to your registered mobile number with the Bank to confirm that you will no longer participate in this program.

Your credit card-i balances will no longer be converted under the Auto Balance Conversion Islamic program once you opt out from this program.

To opt out from this program, you can:

- Call our Contact Centre; or
- Download Credit Card Maintenance Request form which can be found at CIMB Islamic Credit Card section on our website www.cimb.com.my and email the completed form to contactus@cimb.com

For existing Auto Balance Conversion Islamic, your monthly payment will still continue until the end of installment payment plan period. Alternatively, you can choose to make full payment to pay off your existing Auto Balance Conversion Islamic.

Q9 Can I cancel my instalment payment plan after the balance conversion?

A9 Yes, you cancel your instalment payment plan within 30 days from the date of conversion without any termination fee and facility charges for the first instalment will be reversed (if any). This is only applicable for your first time conversion.

If you cancel the instalment plan after the 30 days period, payment of outstanding amount will be required. This is applicable for all cancellation of Auto Balance Conversion Islamic instalment plan after 30 days of conversion date.

If you cancel the instalment plan, the Conversion Amount will be reversed back into your Credit Card-i Account and the usual applicable facility charges will be chargeable as if the conversion did not take place.

Q10 How do I cancel my instalment plan?

A10 To cancel your Auto Balance Conversion Islamic instalment payment plan, you may do so by:

- Contacting CIMB Contact Centre; or
- Download Customer Request form which can be found at CIMB Islamic Credit Card section on our website www.cimb.com.my and email it to contactus@cimb.com

Q11 What if I decide to fully pay off Auto Balance Conversion Islamic before its maturity?

A11 One of the benefits of Auto Balance Conversion Islamic program is that it does not have any lock-in periods. If you wish to pay your Auto Balance Conversion Islamic instalment payment plan before the expiry, you can do so by:

Step 1: Inform the Bank by:

- Calling our Contact Centre; or
- Download Credit Card Maintenance Request form which can be found at CIMB Islamic Credit Card section on our website www.cimb.com.my and email it to contactus@cimb.com

Step 2: An update via SMS will be sent to your mobile number registered with the Bank on the following day.

Step 3: Check your credit card-i(s) balance in the latest credit card-i statement.

Step 4: Make payment before your due date to avoid any facility charges.

Q12 How do I know what is my monthly payment when I'm enrolled into Auto Balance Conversion Islamic program?

A12 Your monthly instalment amount will be reflected on your monthly credit card-i statement. Your monthly payment must be paid in full every month.

Upon successful Auto Balance Conversion Islamic, your outstanding balance will be converted in to 36 months instalment payment plan and the effective rate that will be reflected is 13% p.a.

Q13 What if I did not pay my Auto Balance Conversion Islamic monthly amount?

A13 A facility charges* of 18% p.a. will be applied on your monthly Auto Balance Conversion Islamic payment plan which will be reflected in the following monthly statement.

If you are unable to pay your monthly Auto Balance Conversion Islamic instalment plan for 3 months, your installment will be cancelled and you will need to pay the outstanding amount in full.

Q14 Will I be rewarded with bonus points, bonus miles or cash rebate for the Auto Balance Conversion Islamic program?

A14 Unfortunately, you will not be earning any bonus points, bonus miles or cash rebates for your Auto Balance Conversion Islamic instalment.

Q15 I am not eligible, how can I enroll into the program?

A15 You will be eligible for this program if you **meet all the criteria** listed below:

- A Malaysian nationality;
- Annual income equal or less than RM60,000 (as per your records with CIMB);
- Did not make full payment for credit card-i outstanding balance for the past 12 months;
- Over the past 12 months your average payment is not more than 10% of your outstanding balances.

Q16 What will happen to my credit card-i limit upon a successful Auto Balance Conversion Islamic?

A16 The outstanding principal balance amount that is converted will be taken from your existing credit card-i limit. Each monthly instalment repaid will release your available credit limit by the amount paid every month or in full when it is fully repaid.

Month	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Credit Limit (RM)	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000
ABC-i Amount (RM)	3,600	3,500	3,400	3,300	3,200	3,100	3,000	2,900	2,800	2,700	2,600	2,500
ABC-i Monthly Instalment (RM)	N/A	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Available Credit Limit (RM)	6,400	6,500	6,600	6,700	6,800	6,900	7,000	7,100	7,200	7,300	7,400	7,500

Note: Table above is example of how the credit limit is release back into cardholder's available limit with the assumption that there is no other transactions, no facility charges and payment made before due date.

**The Payable Facility Charges rate will be subject to cardholder's payment history (in accordance to BNM Credit Card-i Guideline and the monthly rebate that shall be granted by the Bank on the Yearly Facility Charges during Auto Balance Conversion Islamic period.*

Soalan Lazim untuk Penukaran Baki Automatik Islamic (ABC-i)

Q1 Apakah Penukaran Baki Automatik Islamic (ABC-i)?

A1 Penukaran Baki Automatik Islamic (ABC-i) adalah program kad kredit-i yang menukarkan baki prinsipal kad kredit-i kepada pelan pembayaran ansuran apabila baki penyata kad kredit-i anda memenuhi kriteria tertentu. Jika baki anda (baki transaksi runcit & tunai) mencapai jumlah minima, ia akan ditukarkan kepada pelan ansuran selama 36 bulan pada kadar 13% setahun (Caj Kemudahan Boleh Dibayar (PFC)).

Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk menarik diri daripada program ini pada bila-bila masa. Sila rujuk kepada Q8 jika anda ingin melakukannya.

Q2 Apakah manfaat Penukaran Baki Automatik Islamic?

A2 Manfaat Penukaran Baki Automatik Islamic adalah seperti berikut:

- Caj Kemudahan Boleh Dibayar (PFC) yang rendah* (Kadar Efektif 13% setahun) berbanding Caj Kemudahan Boleh Dibayar yang sedia ada* (15% hingga 18% setahun) untuk baki prinsipal kad kredit-i anda.
- Tiada Yuran, tiada yuran pemprosesan dan yuran pembatalan jika pembayaran penuh dibuat sebelum tempoh matang pembayaran.
- Tanpa Kerumitan, baki prinsipal kad kredit-i anda yang belum dibayar akan secara automatik ditukarkan kepada pelan ansuran selama 36 bulan pada kadar yang lebih rendah setiap 12 bulan.
- Fleksibiliti, membolehkan anda memilih untuk menarik diri daripada penukaran pada masa depan.

Q3 Bagaimanakah saya boleh layak untuk Penukaran Baki Automatik Islamic?

A3 Anda layak untuk program ini jika anda **memenuhi semua kriteria** berikut:

- Kewarganegaraan Malaysia;
- Pendapatan tahunan sama atau kurang daripada RM60,000 (mengikut rekod anda dengan CIMB);
- Tidak membuat pembayaran penuh untuk baki kad kredit-i yang belum dijelaskan dalam tempoh 12 bulan yang lalu;
- Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, purata pembayaran kad kredit-i anda tidak melebihi 10% daripada jumlah baki tertunggak anda.

Q4 Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk Penukaran Baki Automatik Islamic?

A4 Anda akan didaftarkan secara automatik ke dalam program ini setelah memenuhi kriteria kelayakan setiap 12 bulan seperti yang dinyatakan dalam Q3.

Q5 Bagaimanakah Penukaran Baki Automatik Islamic berfungsi dan bilakah penukaran ini berlaku?

- A5
- Penukaran Baki Automatik Islamic anda akan bermula setelah pendaftaran berjaya yang akan dimaklumkan kepada anda melalui pemberitahuan SMS ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Bank.
 - Baki prinsipal yang belum dijelaskan pada kad kredit-i CIMB Islam akan disemak pada hari ke-25 dari tarikh penyata anda untuk mengesahkan jika ia memenuhi kriteria minima untuk penukaran.
 - Penukaran Baki Automatik Islamic akan berlaku apabila baki prinsipal kad kredit-i CIMB Islam anda memenuhi keperluan baki minima sebanyak RM1,000.
 - Baki prinsipal anda yang belum dijelaskan akan ditukarkan kepada pelan ansuran selama 36 bulan dengan kadar Caj Kemudahan Boleh Dibayar 13% setahun (Kadar Sama Rata 7.1% setahun).
 - Pembayaran bulanan anda akan dinyatakan dalam penyata kad kredit-i anda.

Untuk memudahkan pemahaman, sila rujuk kepada jadual di bawah mengenai aliran penukaran:

Aktiviti	Tarikh
Tarikh Pendaftaran	27-Nov
SMS kepada anda semasa pendaftaran	28-Nov
Tarikh Penyata	4-Dis
Tarikh Matang Pembayaran	24-Dis
Tarikh Penukaran	29-Dis
SMS kepada anda semasa penukaran	30-Dis

Q6 Untuk memenuhi baki minimum Penukaran Baki Automatik Islamic, adakah ia terhad kepada jenis transaksi tertentu?

A6 Untuk baki minimum bagi penukaran, ia terpakai kepada semua transaksi runcit.

Q7 Bagaimanakah jika saya tidak memenuhi kriteria kelayakan??

A7 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membantu pelanggan memenuhi komitmen kewangan mereka, Bank akan melakukan semakan bulanan terhadap kelayakan pelanggan untuk Penukaran Baki Automatik Islamic kecuali pelanggan telah memilih untuk tidak menyertai program ini.

Q8 Saya ingin menarik diri daripada program Penukaran Baki Automatik Islamic, apa akan terjadi kepada pelan penukaran baki saya yang sedia ada (jika ada)?

A8 Anda boleh memilih untuk menarik diri daripada program ini dengan menghubungi atau menghantar emel kepada Bank seperti yang dinyatakan di bawah. Pemberitahuan SMS akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Bank untuk mengesahkan bahawa anda tidak lagi akan menyertai program ini.

Baki kad kredit-i anda tidak akan lagi ditukarkan di bawah program Penukaran Baki Automatik Islamic setelah anda menarik diri daripada program ini.

Untuk menarik diri daripada program ini, anda boleh:

- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB; atau
- Muat turun Borang Credit Card Maintenance Request yang boleh didapati di bahagian Kad Kredit Islamic CIMB di laman web kami www.cimb.com.my dan e-mel borang yang lengkap ke contactus@cimb.com

Untuk Penukaran Baki Automatik Islamic yang sedia ada, pembayaran bulanan anda akan diteruskan sehingga tempoh pelan pembayaran ansuran tamat. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membuat pembayaran penuh untuk melangsaikan Penukaran Baki Automatik Islamic anda yang sedia ada.

Q9 Bolehkah saya membatalkan pelan pembayaran ansuran saya selepas penukaran baki?

A9 Ya, anda boleh membatalkan pelan pembayaran ansuran anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh penukaran tanpa sebarang yuran penamatan dan caj kemudahan untuk ansuran pertama akan dipulangkan (jika ada). Ini hanya terpakai untuk penukaran pertama anda.

Jika anda membatalkan pelan ansuran selepas tempoh 30 hari, pembayaran baki yang belum dijelaskan akan diperlukan. Ini terpakai untuk semua pembatalan pelan ansuran Penukaran Baki Automatik Islamic selepas 30 hari dari tarikh penukaran.

Jika anda membatalkan pelan ansuran, Jumlah Penukaran akan dipulangkan semula ke dalam Akaun Kad Kredit-i anda dan caj kemudahan yang biasa akan dikenakan seolah-olah penukaran tidak berlaku.

Q10 Bagaimanakah saya boleh membatalkan pelan ansuran saya?

A10 Untuk membatalkan pelan pembayaran ansuran Penukaran Baki Automatik Islamic anda, anda boleh :

- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB; atau
- Muat turun Credit Card Maintenance Request yang boleh didapati di bahagian Kad Kredit Islamic CIMB di laman web kami www.cimb.com.my dan e-mel borang yang lengkap ke contactus@cimb.com

Q11 Jika saya memutuskan untuk membayar sepenuhnya Penukaran Baki Automatik Islamic sebelum tamat tempoh penukaran, apa yang akan berlaku?

A11 Salah satu manfaat program Penukaran Baki Automatik Islamic adalah ia tiada tempoh ikatan. Jika anda ingin membayar sepenuhnya pelan pembayaran ansuran Penukaran Baki Automatik Islamic anda sebelum tamat tempoh penukaran, anda boleh melakukannya dengan:

Langkah 1: Maklumkan kepada Bank dengan:

- Hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB; atau
- Muat turun Borang Credit Card Maintenance Request yang boleh didapati di bahagian Kad Kredit Islamic CIMB di laman web kami www.cimb.com.my dan e-mel borang yang lengkap ke contactus@cimb.com

Langkah 2: Kemaskini melalui SMS akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan dengan Bank pada hari berikutnya.

Langkah 3: Semak baki kad kredit-i anda dalam penyata kad kredit-i yang terkini.

Langkah 4: Lakukan pembayaran sebelum tarikh matang pembayaran untuk mengelakkan sebarang caj kemudahan.

Q12 Bagaimana saya tahu apakah pembayaran bulanan saya apabila saya didaftarkan dalam program Penukaran Baki Automatik Islamic?

A12 Jumlah ansuran bulanan anda akan dinyatakan dalam penyata kad kredit-i bulanan anda. Pembayaran bulanan anda mesti dibayar sepenuhnya setiap bulan.

Setelah Penukaran Baki Automatik Islamic berjaya, baki tertunggak anda akan ditukarkan kepada pelan pembayaran ansuran selama 36 bulan dan Caj Kemudahan Boleh Dibayar yang akan dinyatakan adalah 13% setahun.

Q13 Apakah yang akan berlaku jika saya tidak membayar jumlah bulanan Penukaran Baki Automatik Islamic saya?

A13 Caj kemudahan* sebanyak 18% setahun akan dikenakan ke atas pelan pembayaran ansuran Penukaran Baki Automatik Islamic bulanan anda, yang akan dinyatakan dalam penyata bulanan berikutnya.

Jika anda tidak dapat membayar pelan ansuran Penukaran Baki Automatik Islamic anda selama 3 bulan, pelan ansuran anda akan dibatalkan dan anda perlu membayar baki yang belum dijelaskan secara penuh.

Q14 Adakah saya akan diberi ganjaran dengan mata bonus, kilometer bonus atau rebat tunai untuk program Penukaran Baki Automatik Islamic?

A14 Anda tidak akan memperolehi sebarang mata bonus, kilometer bonus atau rebat tunai untuk ansuran Penukaran Baki Automatik Islamic.

Q15 Saya tidak layak, bagaimanakah boleh saya mendaftar dalam program ini?

A15 Anda akan layak untuk program ini jika anda **memenuhi semua kriteria** berikut:

- Kewarganegaraan Malaysia;
- Pendapatan tahunan sama atau kurang daripada RM60,000 (mengikut rekod anda dengan CIMB);
- Tidak membuat pembayaran penuh untuk baki kad kredit-i yang belum dijelaskan dalam tempoh 12 bulan yang lalu;
- Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, purata pembayaran kad kredit-i anda tidak melebihi 10% daripada jumlah baki tertunggak anda.

Q16 Apakah yang akan berlaku kepada had kad kredit-i saya selepas Penukaran Baki Automatik Islamic berjaya?

A16 Jumlah baki prinsipal yang ditukarkan akan diambil daripada had kad kredit-i anda yang sedia ada. Setiap ansuran bulanan yang dibayar akan mengembalikan had kredit anda sebanyak jumlah yang dibayar setiap bulan atau sepenuhnya apabila ia dibayar sepenuhnya.

Bulan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Had kredit (RM)	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000
Amaun ABC-i (RM)	3,600	3,500	3,400	3,300	3,200	3,100	3,000	2,900	2,800	2,700	2,600	2,500
Ansuran bulanan ABC-i (RM)	N/A	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Had kredit tersedia (RM)	6,400	6,500	6,600	6,700	6,800	6,900	7,000	7,100	7,200	7,300	7,400	7,500

Nota: Jadual di atas adalah contoh bagaimana had kredit dikembalikan ke dalam had tersedia pemegang kad dengan anggapan bahawa tiada transaksi lain, tiada caj kemudahan, dan pembayaran dibuat sebelum tarikh akhir.

* Kadar Caj Kemudahan Boleh Dibayar akan bergantung kepada sejarah pembayaran pemegang kad (mengikut Garis Panduan Kad Kredit-i BNM dan rebat bulanan yang akan diberikan oleh Bank ke atas Caj Kemudahan Tahunan semasa tempoh Penukaran Baki Automatik Islamic).